




**KEJOHANAN SUKAN STAF
ANTARA UNIVERSITI MALAYSIA
PERATURAN FUTSAL**



1. UNDANG-UNDANG PERMAINAN

- 1.1 Pertandingan akan dijalankan mengikut Undang-Undang Futsal yang berkuatkuasa sebagaimana yang di peruntukan oleh FIFA serta telah diterima oleh Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) dan **Peraturan- Peraturan AM Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (SUKUM)**.
- 1.2 Selain dari peraturan umum di atas, Jawatankuasa Teknikal Pertandingan adalah berhak meminda/mengadakan peraturan- peraturan tambahan, selaras dengan matlamat penganjuran SUKUM.
- 1.3 Kecuali apa yang disebut dalam peraturan yang menguasai dalam peraturan ini maka undang-undang dan peraturan AM SUKUM adalah diikuti.

2. PENDAFTARAN PEMAIN

- 2.1 Bagi memulakan permainan, bilangan minimum pemain untuk 1 pasukan ialah **3 orang**. Namun, pada separuh masa kedua mestilah lengkap seramai 5 orang. Sekiranya dalam perkara di mana pemain diperintah keluar padang dan salah satu pasukan tinggal kurang dari 3 pemain, maka permainan hendaklah dibatalkan dan kemenangan akan diberikan kepada pasukan lawan dengan jaringan 3 – 0 atau jaringan yang lebih besar.

3. PASUKAN & MASA BERMAIN

- 3.1 Masa perlawanan bagi lelaki adalah 20 minit x 5 minit x 20 minit (running time) pada pusingan awal peringkat kumpulan liga dengan dua kali penghentian Masa selama 1 minit setiap separuh masa permainan (Time Out). Stopping time akan diguna pakai bagi perlawanan akhir sahaja.
- 3.2 Masa perlawanan bagi wanita adalah 15 minit x 5 minit x 15 minit (running time) pada pusingan awal peringkat kumpulan liga dengan dua kali Penghentian Masa selama 1 minit setiap separuh masa permainan (Time Out). Stopping time akan diguna pakai bagi perlawanan akhir sahaja.

4. PERTUKARAN PEMAIN

- 4.1 Tiada had pertukaran semasa perlawanan. Seseorang pemain yang telah diganti boleh masuk semula ke gelanggang sebagai pengganti kepada pemain lain.
- 4.2 Syarat-syarat berikut hendaklah dipatuhi apabila gantian dibuat semasa bola di dalam permainan:
 - 4.2.1 Pemain yang meninggalkan gelanggang hendaklah keluar melintasi garisan tepi di kawasan zon penggantian.
 - 4.2.2 Pemain yang masuk ke gelanggang juga dikehendaki berbuat demikian dari kawasan zon penggantian, tetapi hendaklah menunggu sehingga pemain yang hendak keluar telah melintasi garisan tepi.
 - 4.2.3 Seseorang pengganti adalah tertakluk kepada kuasa dan kebijaksanaan pengadil sama ada memanggil atau tidak untuk bermain.
 - 4.2.4 Penjaga gol boleh bertukar tempat dengan mana-mana pemain lain dengan syarat kebenaran dari salah seorang pengadil hendaklah diminta terlebih dahulu.

5. PAKAIAN/LATIHAN

- 5.1 Setiap Pasukan mesti mengisytiharkan dan mendaftarkan warna Pasukan sebagai Pasukan Tuan Rumah (PTR) iaitu Pasukan yang disebut dahulu dalam Jadual Pertandingan dan mesti memakainya di dalam perlawanan tersebut.
- 5.2 Pasukan Pelawat (PL) mestilah memakai warna Pasukan yang berlainan dari warna Pasukan PTR.
- 5.3 Jika terdapat persamaan warna Pasukan, dengan syarat PTR memakai warna Pasukan yang disytiharkan sebagai Tuan Rumah, maka Pasukan Pelawat (PL) hendaklah menukar warna Pasukan tersebut dengan memakai warna Pasukan set kedua atau set ketiga atau dengan apacara sekali pun menyelesaikan masalah persamaan warna Pasukan.
- 5.4 Jika sekiranya terdapat persamaan warna Pasukan kerana (PTR) tidak memakai warna Pasukan yang disytiharkan dan didaftarkan sebagai warna (PTR), maka (PTR) hendaklah menukar warna Pasukan tersebut dengan memakai warna Pasukan set kedua atau set ketiga atau dengan apacara sekali pun menyelesaikan masalah persamaan warna Pasukan.

- 5.5 Jika masih lagi tiada penyelesaian mengenai persamaan warna pakaian Pasukan, maka Pengarah Pertandingan atau Penolong Pengarah Pertandingan mestilah membuat keputusan dan keputusan tersebut mestilah dipatuhi oleh kedua-dua Pasukan.
- 5.6 Setiap pemain mesti memakai kasut Futsal, stokin dan alas betis 'shin guard' mengikut spesifikasi yang dibenarkan.
- 5.7 Pemain yang memakai 'Thigh' atau 'Thermal' atau 'Body Fit' hendaklah bersamaan warna utama seluar dan warna lengan baju.

6. SISTEM PERTANDINGAN

Sila rujuk Peraturan AM 12.0.

7. MENARIK DIRI DAN MENYERAH KALAH

Sila rujuk Peraturan AM 15.0.

8. PERLAWANAN YANG DI TUNDA ATAU DIBENARKAN

Sila rujuk Peraturan AM 16.0

9. CARA MEMUTUSKAN KUMPULAN

- 9.1 Pusingan awal akan dijalankan secara liga. Cara memberi mata adalah seperti berikut:

Menang	-	3 mata
Seri	-	1 mata
Kalah	-	0 mata

- 9.2 Jika dua (2) atau lebih pasukan yang memperoleh mata yang sama, maka pemenang akan ditentukan seperti berikut:
- 9.2.1 Pasukan yang memenangi lebih perbezaan gol akan dikira menang.
- 9.2.2 Jika masih seri, pasukan yang menjaringkan lebih banyak gol dikira menang.
- 9.2.3 Jika masih seri juga, tendangan penalti sebanyak 5 kali akan dijalankan dan sekiranya masih seri "**SUDDEN DEATH**" akan diguna pakai sehingga bertemu dengan pemenangnya.
- 9.2.4 Sekiranya mana-mana pasukan gagal bermain sesuatu perlawanan, pasukan lawan hendaklah diberi 3 (tiga) mata dengan jaringan 3 – 0, jika terdapat

mana-mana pasukan yang digantung atau menarik diri dari pertandingan atas apa-apa jua sebab sekalipun, maka mata dan jaringan gol yang masuk dan kena hendaklah diambil kira.

9.3 Perlawanan secara kalah mati:

9.3.1 Bagi pusingan kedua (2), peringkat suku akhir, separuh akhir dan akhir perlawanan dilangsungkan secara **KALAH MATI**.

9.3.2 Perlawanan masa tambahan **10 minit iaitu 5 minit bagi setiap separuh** masa tanpa rehat. Masa rehat hanya diberikan sebelum masa tambahan bermula. Para pemain **TIDAK DIBENARKAN** keluar gelanggang kecuali mendapat kebenaran pengadil perlawanan.

9.3.3 Jika keputusan masih seri, lima (5) sepakan penalti akan diambil oleh kedua-dua pasukan.

9.3.4 Sekiranya masih seri, sistem sepakan penalti '**Sudden Death**' akan dijalankan untuk menentukan pemenangnya.

9.3.5 Penjaga gol boleh ditukar pada bila-bila masa sahaja semasa sepakan penalti dijalankan dan sepakan penalti boleh diambil oleh semua pemain pasukan.

10. KELEWATAN

Sila rujuk Peraturan AM 14.0.

11. TATATERTIB

11.1 Mana-mana pemain yang didapati menyerang pengadil atau pemain yang diperintah keluar padang kerana bergaduh akan digantung bermain sepanjang tempoh kejohanan ini.

11.2 Pemain yang menerima perintah keluar padang (kad merah) **TIDAK DIBENARKAN** bermain pada permainan tersebut.

11.3 Penggantungan perlawanan adalah seperti berikut:

11.3.1 2 kad kuning (perlawanan yang sama atau berlainan) akan digantung sebanyak satu (1) perlawanan berikutnya).

11.3.2 Kad merah (secara terus) akan digantung sebanyak dua (2) perlawanan berikutnya dan Jawatankuasa tatatertib akan bermesyuarat bagi menentukan hukuman berdasarkan kesalahan yang dilakukan.

11.3.3 Kad amaran terkumpul (semasa peringkat kumpulan) tidak akan dibawa ke peringkat kalah mati. Hanya penggantungan perlawanan sahaja yang dibawa.

12.RINGKASAN PENYERTAAN

PERKARA	PEMAIN	JURULATIH	PENGURUS PASUKAN	PEGAWAI PERUBATAN	JUMLAH
Lelaki	14	1	1	1	17
Wanita	14	1	1	1	17

13.RINGKASAN PINGAT

KATEGORI	EMAS	PERAK	3 & 4
Lelaki	1(17)	1(17)	2(34)
Wanita	1(17)	1(17)	2(34)
Jumlah	1	1	2